



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

KENYATAAN AKHBAR

6 Jun 2017

PNB serah zakat lebih RM5.3 juta kepada Negeri Melaka

MELAKA:- Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini membuat bayaran zakat perniagaan kepada Negeri Melaka yang berjumlah RM5,384,000.00.

Cek zakat perniagaan Kumpulan PNB itu disampaikan oleh Pengerusi Kumpulan PNB YBhg Tan Sri Abdul Wahid Omar kepada Ketua Menteri Melaka YAB Datuk Seri Utama Ir. Hj. Idris Hj. Haron merangkap Pengerusi Zakat Melaka. Turut hadir ialah Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB YBhg Dato' Abdul Rahman Ahmad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka YB Datuk Wira Hj. Naim Abu Bakar, Mufti Kerajaan Negeri Melaka YBhg S.S Datuk Hj. Abdul Halim Hj. Tawil, Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka YBhg Datuk Wira Hj. Yaakub Md. Amin, dan Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka YBhg Datuk Hj. Ibrahim Hj. Fadzil.

Pembayaran zakat oleh Kumpulan PNB dikira mengikut 'haul' dan 'nisab' yang sudah ditetapkan. Zakat perniagaan oleh PNB ini tidak meliputi agihan pendapatan untuk pemegang akaun unit amanah yang melabur dalam tabung yang dikendalikan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Pemegang akaun dinasihatkan melunaskan sendiri zakat bagi pelaburan dalam setiap unit amanah yang berkenaan.

Dikeluarkan oleh:

PERMODALAN NASIONAL BERHAD

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Encik Aziz Anuar

Naib Presiden Kanan

Bahagian Hal Ehwal Korporat & Komunikasi

Tel : 03-2050 5810

Faks : 03-2050 5268

E-mel : aziz_a@pnb.com.my